



بھاکین شندیدیقن اسلام

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Pendidikan Islam

Aras Bawah dan Dua, Bangunan Mustapha Kamal

No. 2251, Jalan Usahawan 1

63000 CYBERJAYA

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-8321 7200

Faks : 603-8321 7201

Laman Web : www.moe.gov.my

E-mel : bpi.kpm@moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.700-2/1/5 ()

Tarikh : 16 Januari 2018

28 Rabiul Akhir 1439H

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(u.p.: Ketua Sektor Pendidikan Islam)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN UJIAN DIAGNOSTIK KEM CEMERLANG JAWI PROGRAM
j-QAF DI SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(KPM) TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ujian Diagnostik Kem Cemerlang Jawi Program j-QAF Tahun 2018 dilaksanakan kepada **murid tahun 2 di bawah Program j-QAF sahaja** bertujuan untuk mengenal pasti murid yang masih belum menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi. Murid-murid ini akan dimasukkan ke dalam Kem Cemerlang Jawi Program j-QAF sehingga mereka mampu menguasai kemahiran tersebut.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, ujian ini hendaklah dilaksanakan secara serentak seluruh Malaysia pada **6 Februari 2018** dengan menggunakan soalan Ujian Diagnostik Kem Cemerlang Jawi Program j-QAF Tahun 2018 yang telah disediakan oleh Bahagian ini. Soalan ini akan di-e-mel kepada pegawai j-QAF, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri untuk diedarkan kepada sekolah-sekolah yang melaksanakan Program j-QAF.

5. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon jasa baik pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memaklumkan perkara tersebut kepada pihak sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

6. Sebarang persoalan berkaitan perkara ini bolehlah diajukan kepada Puan Nurulain binti Aezman di talian 03-83217321 atau melalui e-mel nurulain.aezman@moe.gov.my




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 4373

Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HJ. HASSAN NUDIN BIN A. HAMID)
Timbalan Pengarah
Pengurusan Pendidikan Islam
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam